


26-05-2016

>> Candi dipercayai dibina oleh penduduk tempatan kerana ketika itu orang Melayu masih belum memeluk agama Islam



Harian metro
26/5/2016
mls 32-33



1 **TAPAK** candi di Kampung Baru tepi Sungai Muda, Kota Kuala Kedah.

2 **ANTARA** seramik dan tembikar China dan Timur Tengah yang ditemui ketika eskarvasi di tapak candi Kampung Baru.

3 **LOKASI** tapak candi di Kampung Baru tepi Sungai Muda, Kota Kuala Muda yang baru ditemui.

4 **ANTARA** artifak yang ditemui ketika kerja eskarvasi di tapak candi Kampung Baru.

5 **SEKUMPULAN** pelajar UKM membuat eskarvasi di tapak candi yang ditemui di tepi Sungai Muda.

6 **SALAH** satu pelapik tiang atas candi yang ditemui di tapak candi Kampung Baru.

7 **SEORANG** pelajar mengukur kawasan untuk kerja eskarvasi di tapak candi Kampung Baru.

8 **KERJA** eskarvasi sedang dilakukan di tapak candi Kampung Baru.

9 **ANTARA** artifak yang ditemui ketika kerja eskarvasi dijalankan.



CANDI 1,000 TAHUN

■ Struktur dibina di tebing Sungai Muda pada abad ke-10 Masihi

Omar Osman
am@hmetro.com.my

Sebuah struktur binaan berupa candi yang digunakan bagi upacara

keagamaan dipercayai dibina pada abad ke-10 Masihi di tebing Sungai Muda, Sungai Petani, menjadi penemuan terbaru oleh sepasukan penyelidik Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menjalankan kajian di kawasan terbabit.

Kerja ekskavasi berhampiran Kampung Baru, Kota Kuala Muda diketuai



>> Kajian sebelum ini menunjukkan candi sekitar Kota Kuala Muda lebih tua berbanding candi di Lembah Bujang

26-05-2016

rencana

33



FOTO: Omar Osman

Menurutnya, kebiasaannya candi Buddha mempunyai struktur melengkung dipanggil Stupa dan pintunya terletak di utara manakala candi Hindu pula pintunya berada di bahagian timur.

Katanya, setakat ini pihaknya belum menemui kedudukan pintu, tambahan pula struktur binaan candi atau Adistana wujud sekitar Nusantara atau di India disebabkan kajian lanjut sedang dijalankan.

“Saya yakin candi terbabit dibina oleh orang Melayu atau penduduk tempatan kerana ketika itu orang Melayu masih belum memeluk Islam, sebaliknya beragama Hindu atau Buddha.

“Kemungkinan banyak lagi candi yang wujud di sepanjang Sungai Muda kerana sebelum ini wujud satu tapak candi di Kampung Sireh, tetapi sudah hilang ekoran pembinaan projek tebatan banjir.

INFO

- Lokasi terletak di bekas tapak kubur lama Kampung Baru, Kota Kuala Muda, Sungai Petani yang terletak di tepi Sungai Muda.
- Terletak kira-kira 800 meter dari Pekan Kota Kuala Muda dan 10 kilometer dari Bandar Sungai Petani.
- Penemuan dua ketulan batu dipercayai pelapik tiang atas candi.
- Fasa Satu kerja ekskavasi dimulakan pada 5 hingga 25 Mei 2016 membabitkan 10 pelajar UKM dan pekerja sambilan dengan kerjasama Jabatan Warisan Negara (JWN).
- Keluasan tapak candi 14 meter x 12 meter dengan kedalaman hampir dua meter.
- Ketinggian susunan bata 25 lapis, bata merah dibuat daripada tanah liat melalui sistem pembakaran terbuka.



etua Felo Penyelidik Institut
lam Dan Tamadun Melayu
(ATMA) UKM, Profesor
adya Dr Zuliskandar Ramli
ang dijalankan sejak awal
ulan ini mempercayai candi
erkenaan dianggarkan
erusia 1,000 tahun.

Pada awal tahun lalu,
ekumpulan kakitangan
abatan Agama Islam Kedah
(AIK) turut menemui dua
etulan batu lama yang
percayai menjadi pelapik
ang bahagian atas candi
etika melakukan kerja
memindahkan kubur lama di
awasan itu.

Dr Zuliskandar berkata,
erdasarkan kajian
dapati batu berkenaan
erkemungkinan sebahagian
aripada pelapik tiang atas
andi yang dibina pada
aman dahulu.


Katanya, kerja ekskavasi
emudian dilakukan
beberapa pelajar arkeologi
an prasejarah UKM di
awasan tapak kubur lama
erkeluasan 14 x 12 meter
ersegi itu sejak awal bulan
ni dan mengejutkan kerana
menemui struktur batu bata

candi yang tersusun dalam
keadaan baik.

“Setakat ini kita baru
menggali 50 peratus tapak
candi ini dan mendapati batu
bata yang ditemui tersusun
dengan baik, namun ada
sebahagian daripadanya
sudah rosak dan pecah
kerana kerja mengorek liang
jenazah oleh penduduk
kampung suatu waktu dulu.

“Hasil ekskavasi
mendapati candi ini
dianggarkan berusia 1,000
tahun dan dibina pada abad
ke-10 Masihi. Ia berdasarkan
cara pembinaan candi dan
bata yang ditemui kerana
dilihat lebih maju berbanding
bata yang digunakan pada
candi Kampung Sungai Mas
yang dibina pada abad ke-5
dan ke-6.

“Tapak ini dinamakan
sebagai Candi Kampung Baru
dengan kajian lebih lanjut
dan menyeluruh perlu dibuat
bagi menentukan sama
ada ia digunakan dalam
upacara keagamaan Buddha
atau Hindu disebabkan ia
mempunyai perbezaan iaitu
Stupa atau Vihara,” katanya.



“Kajian lebih menyeluruh
perlu dibuat kerana tapak
candi ini berada tidak
jauh dari Kampung Sungai
Mas dan Kota Kuala Muda
yang pernah menjadi
pusat perdagangan dan
pentadbiran kerajaan Kedah
Tua. Kajian sebelum ini
menunjukkan candi sekitar
Kota Kuala Muda lebih tua
berbanding candi di Lembah
Bujang,” katanya.

Menurutnya, pihaknya
juga menemui pelbagai
serpihan artifak seperti
seramik Parsi, manik dan
kaca dari Timur Tengah serta
seramik China iaitu Seladon
dan Chinapai zaman Dinasti
Tang dan Song di kawasan
tapak candi berkenaan.

Katanya, penemuan
banyak artifak itu
menunjukkan lembangan
Sungai Muda sebelum ini
pernah menjadi laluan
perdagangan penting kepada
pedagang China dan India
pada abad ke-5 hingga ke-10
Masihi.

“Sejak 6,000 tahun dulu,
Sungai Muda adalah Interop
atau laluan Transpisanular
yang menghubungkan
Kedah, Kelantan dan
Pattani di Thailand, sekali
gus menjadi laluan utama
penduduk setempat
berulang-alik.

“Malah ketika wujudnya
kerajaan Kedah Tua, Sungai
Muda menjadi laluan utama
pedagang selain Sungai Terus

● Bata yang digunakan
bukan segi empat, tetapi 45
darjah separa bulat dengan
seni bina timbul, sekali gus
yang pertama ditemui di
Sungai Muda.

● Serpihan tembikar, manik,
seramik Parsi dan China
antara abad ke-10 antara
artifak yang ditemui.

● Tembikar dipercayai
digunakan ketika menjalini
upaca keagamaan.

yang menghubungkan Kota
Kuala Muda dan Lembah
Bujang,” katanya.

Mengenai ekskavasi, Dr
Zuliskandar berkata, fasa
satu bermula dari 5 hingga
25 Mei lalu dan fasa kedua
akan bermula selepas Hari
Raya Aidilfitri yang dijangka
selesai menjelang Oktober
depan di mana selepas itu,
proses mengenal pasti candi
akan dilakukan.

“Saya sudah
memaklumkan kepada
Jabatan Warisan Negara
dan Jabatan Pengairan dan
Saliran (JPS) Kedah mengenai
wujudnya monumen atau
bahan sejarah di tepi Sungai
Muda memandangkan tapak
candi ini jarang ditemui.

“Saya berharap ia dapat
dijaga sebagai warisan
dan kajian lebih lanjut
perlu dibuat, selain boleh
dijadikan salah satu produk
perlancongan arkeologi di
Kedah,” katanya.